



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA
FEBRUARI 2023**

Inflasi Malaysia kekal 3.7 peratus pada Februari 2023

PUTRAJAYA, 24 Mac 2023 – Indeks Harga Pengguna Februari 2023 kekal pada 3.7 peratus dengan mata indeks mencatatkan 129.8 berbanding 125.2 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan hari ini dalam keluaran terkini **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), FEBRUARI 2023**.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Kenaikan inflasi di Malaysia pada Februari 2023 kekal didorong oleh Restoran & Hotel (7.4%) dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (7.0%). Namun begitu, peningkatan lebih perlahan bagi kumpulan Pengangkutan iaitu 3.7 peratus berbanding Januari 2023 (4.0%) sedikit sebanyak telah mengimbangi inflasi daripada terus meningkat. Selain itu, kenaikan inflasi di Malaysia turut didorong oleh kenaikan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (3.4%); Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (2.5%) dan Kesihatan (1.8%). Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan masing-masing merekodkan peningkatan 1.7 peratus, manakala Pendidikan meningkat 1.6 peratus. Kedua-dua Minuman Alkohol & Tembakau dan Pakaian & Kasut masing-masing meningkat sebanyak 0.8 peratus dan 0.4 peratus berbanding Februari 2022.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, "Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol yang menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan Indeks Harga Pengguna (IHP) merekodkan peningkatan 7.0 peratus (Januari 2023: 6.7%). Daripada 230 item Makanan, sebanyak 203 item atau 88.3 peratus telah merekodkan kenaikan harga. Komponen Makanan di rumah yang menyumbang hampir 58 peratus daripada

keseluruhan kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol mencatatkan peningkatan lebih tinggi kepada 5.8 peratus berbanding 5.1 peratus pada Januari 2023. Namun begitu, komponen Makanan di luar rumah telah mencatatkan kenaikan yang lebih rendah 8.9 peratus berbanding Januari 2023 (9.3%). Antara Makanan di luar rumah yang mencatatkan peningkatan lebih perlahan adalah Sate, 9.9 peratus (Januari 2023: 11.0%); Nasi campur, 9.1 peratus (Januari 2023: 10.2%); Nasi ayam, 7.8 peratus (Januari 2023: 8.0%) dan Masakan berasaskan daging, 7.3 peratus (Januari 2023: 8.7%). Antara inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat dan meredakan inflasi Makanan di luar rumah adalah Menu Rahmah yang diumumkan pada 31 Januari 2023.

Kenaikan komponen Makan di rumah adalah didorong oleh kenaikan bagi kesemua subkumpulan Makanan di rumah terutamanya oleh subkumpulan Daging (9.0%); Beras, roti & bijirin lain (6.7%); Susu, keju & telur (6.6%) dan Sayur-sayuran (5.8%). Ini diikuti oleh Buah-buahan (4.7%); Gula, jem, madu, coklat & manisan (3.6%) dan Ikan & makanan laut (3.2%). Manakala subkumpulan Minyak & lemak menyederhana kepada 0.6 peratus.

Subkumpulan Daging yang merangkumi ayam, daging lembu, babi, kambing, kerbau dan itik telah mencatatkan peningkatan 9.0 peratus berbanding 8.3 peratus pada Januari 2023. Ayam merekodkan peningkatan 8.0 peratus berbanding 6.5 peratus pada bulan sebelumnya. Purata harga ayam standard pada bulan Februari 2023 meningkat kepada RM10.33 sekilogram berbanding RM9.46 pada Februari 2022 (Januari 2023: RM10.30). Manakala, purata harga di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak RM9.76 sekilogram berbanding RM8.94 sekilogram pada Februari 2022 (Januari 2023: RM9.70), melebihi paras harga kawalan yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu RM9.40. Selain itu, peningkatan pada subkumpulan ini turut didorong oleh peningkatan daging babi (31.8%) dan itik (10.5%). Secara bulan ke bulan, Daging segar meningkat sebanyak 0.5 peratus, disumbangkan oleh peningkatan daging babi yang mencatatkan kenaikan 2.4 peratus, diikuti oleh daging ayam dan daging itik masing-masing meningkat sebanyak 0.4 peratus. Peningkatan dua digit daging babi yang berterusan semenjak Mei 2022 adalah disebabkan oleh kekurangan bekalan susulan Demam Babi Afrika yang melanda beberapa negeri. Walau bagaimanapun,

daging lembu mencatatkan penurunan sebanyak negatif 0.1 peratus (Januari 2023: 0.5%).

Subkumpulan Susu, keju & telur meningkat dengan kadar yang perlahan pada 6.6 peratus pada Februari 2023 (Januari 2023: 7.0%). Telur ayam yang menyumbang 22.8 peratus wajaran kepada subkumpulan meningkat pada kadar yang sama seperti Januari 2023 iaitu 4.5 peratus. Bagi memastikan bekalan telur ayam kekal stabil, pada 27 Februari 2023, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengumumkan akan meneruskan pemberian subsidi bagi telur dan ayam sehingga Jun 2023. Sementara itu, susu sejat dan susu pekat manis terus mencatatkan peningkatan dua digit, walaupun pada kadar lebih perlahan iaitu 14.7 peratus berbanding 16.2 peratus pada Januari 2023. Subkumpulan Beras, roti & bijirin meningkat dan kekal pada 6.7 peratus berbanding Januari 2023. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh peningkatan Tepung gandum (28.5%) dan Mi basah (20.5%). Produk roti dan bakeri yang meningkat sebanyak 6.9 peratus pada Februari 2023 turut menyumbang kepada kenaikan subkumpulan ini. Sementara itu, subkumpulan Minyak & lemak terus mereda kepada 0.6 peratus berbanding Januari 2023 (0.7%). Harga runcit maksimum minyak masak kemasan botol bagi satu hingga lima kilogram yang masih kekal bagi tempoh 8 Februari hingga 7 Mac 2023 turut menyumbang kepada peningkatan marginal subkumpulan ini.

Hujan lebat berterusan sejak akhir Disember 2022 hingga Februari 2023 di beberapa negeri telah mendorong kepada kenaikan harga makanan, terutamanya sayur-sayuran. Kesan daripada perubahan monsun ini, inflasi bagi subkumpulan Sayur-sayuran telah mencatatkan peningkatan ketara kepada 5.8 peratus berbanding 1.0 peratus pada Januari 2023. Secara bulanan, sayur-sayuran merekodkan peningkatan sebanyak 2.8 peratus berbanding 0.7 peratus pada Januari 2023. Antara sayur-sayuran yang mencatatkan kenaikan tahun ke tahun adalah Timun (24.8%) dengan purata harga RM5.20 sekilogram (Februari 2022: RM3.82), Bendi (19.0%) dengan purata harga RM11.66 sekilogram (Februari 2022: RM9.31), Tomato (17.1%) dengan purata harga RM8.73 sekilogram (Februari 2022: RM6.78) dan Bayam (16.8%) dengan purata harga RM6.53 sekilogram (Februari 2022: RM5.27). Manakala, beberapa sayur-sayuran yang mencatatkan penurunan adalah Kubis bulat (-7.2%) dengan purata harga RM4.73 sekilogram (Februari 2022: RM5.35), Cili

hijau segar (-2.0%) dengan purata harga RM14.77 sekilogram (Februari 2022: RM14.70) dan cili merah segar (-2.6%) dengan purata harga RM17.02 sekilogram (Februari 2022: RM17.78).

Inflasi Pengangkutan meningkat lebih perlahan kepada 3.7 peratus pada Februari 2023 berbanding Januari 2023 (4.0%) disebabkan oleh peningkatan sederhana subkumpulan Pengurusan alat pengangkutan persendirian kepada 2.9 peratus (Januari 2023: 3.3%). Selain itu, peningkatan Perkhidmatan pengangkutan (18.8%) dan Pembelian kenderaan (1.9%) turut menyumbang kepada kenaikan kumpulan ini. Peningkatan purata harga Petrol tanpa plumbum RON97 mereda kepada 4.4 peratus (RM3.35 seliter) berbanding 9.5 peratus yang direkodkan pada Januari 2023 (RM3.35 seliter). Peningkatan sederhana bagi harga minyak ini adalah seiring dengan penurunan harga minyak mentah Brent (-13.6%) kepada \$AS82.71 setong pada Februari 2023 (Februari 2022: AS\$95.76).

Mengulas tentang inflasi di peringkat negeri pula, Ketua Perangkawan menjelaskan enam negeri merekodkan inflasi melebihi paras nasional 3.7 peratus iaitu Wilayah Persekutuan Putrajaya (4.7%), Selangor (4.3%), Johor (4.1%), Sarawak (4.0%), Pahang (4.0%) dan Perak (3.8%). Namun begitu, Kedah dan Wilayah Persekutuan Labuan masing-masing merekodkan peningkatan paling rendah sebanyak 2.3 peratus. Kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi Makanan & Minuman Bukan Alkohol. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Selangor (8.6%), diikuti oleh Sarawak (8.1%), Johor (7.5%) dan Pahang (7.4%). Sementara itu, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi Makanan & Minuman Bukan Alkohol nasional iaitu 7.0 peratus pada Februari 2023.

Sementara itu, inflasi bagi kumpulan pendapatan di bawah RM3,000 meningkat 3.7 peratus daripada 126.0 pada Februari 2022 kepada 130.7 pada Februari 2023. Peningkatan ini disumbangkan oleh kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol sebanyak 6.5 peratus dan peningkatan ini terutamanya direkodkan oleh subkumpulan Daging (9.5%), diikuti oleh Susu, keju & telur (6.1%) dan Beras, roti & bijirin lain (6.0%). Tambahan pula, inflasi bagi Restoran & Hotel turut meningkat 7.7 peratus, diikuti Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (3.9%);

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Jumaat, 24 Mac 2023**

Pengangkutan (2.1%); Kesihatan (2.0%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (1.1%)

Inflasi teras yang mengukur perubahan dalam harga barang dan perkhidmatan, tanpa mengambil kira harga makanan segar yang tidak menentu serta harga barangan kawalan oleh kerajaan mencatatkan peningkatan lebih perlahan 3.9 peratus pada Februari 2023 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol iaitu 7.6 peratus. Selain itu, kumpulan Restoran & Hotel turut mencatatkan kenaikan 7.4 peratus, diikuti oleh Pengangkutan (6.2%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (3.4%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (1.9%).

Mengulas mengenai inflasi negara lain, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Inflasi Zon Euro mereda kepada 8.5 peratus pada Februari 2023 daripada 8.6 peratus pada bulan sebelumnya. Peningkatan perlahan ini didorong oleh inflasi Tenaga yang mereda kepada 13.7 peratus (Januari 2023: 18.9%). Walau bagaimanapun, inflasi Makanan, alkohol & tembakau (15.0%); Barangan industri bukan tenaga (6.8%) dan Perkhidmatan (4.8%) menunjukkan kadar inflasi yang lebih tinggi berbanding Januari 2023. Kadar inflasi di Amerika Syarikat mereda kepada 6.0 peratus pada Februari 2023 berbanding Januari 2023 (6.4%). Ini disumbangkan oleh peningkatan perlahan inflasi tenaga kepada 5.2 peratus (Januari 2023: 8.7%) dan makanan 9.5 peratus (Januari 2023: 10.1%). Bagi perbandingan dengan negara-negara terpilih di rantau Asia Pasifik, kadar inflasi di Malaysia (3.7%) adalah lebih rendah berbanding inflasi di Republik Korea, Thailand, Indonesia dan Filipina.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk Maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Jumaat, 24 Mac 2023**

OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my> .

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengistiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA


JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

24 MAC 2023

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 24 Mac 2023

Carta 1


Inflasi Keseluruhan Malaysia, Januari 2011 – Februari 2023



Nota: *Purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga Februari 2023


Carta 2

Inflasi Keseluruhan Malaysia, Inflasi Teras dan Inflasi Tanpa Bahan Api, Februari 2022 – Februari 2023




Carta 3

Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Februari 2020 – Februari 2023




Carta 4

Inflasi mengikut Kuadran, Januari 2023 & Februari 2023



Carta 5


Taburan Inflasi Makanan dan Bukan Makanan yang Meningkat $\leq 10\%$, Januari 2023 & Februari 2023



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Jumaat, 24 Mac 2023**


Carta 6

Inflasi Makanan Terpilih bagi Kumpulan Pendapatan Isi Rumah Kurang daripada RM3,000, Februari 2021 – Februari 2023



Carta 7


Inflasi Subkumpulan Bahan Api & Pelincir untuk Pengangkutan dan Purata Harga Bahan Api, Februari 2022 – Februari 2023



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Jumaat, 24 Mac 2023**


Carta 8

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, Januari 2023 & Februari 2023




Carta 9

Inflasi bagi Makanan & Minuman Bukan Alkohol, Februari 2020 – Februari 2023




Carta 10

Inflasi mengikut Negeri, Januari 2023 & Februari 2023



Carta 11

Inflasi bagi Negara Terpilih, Februari 2021 – Februari 2023




Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam **1200, Jumaat, 24 Mac 2023**


Carta 12

Harga Komoditi Terpilih Global


Minyak Mentah (US\$/bbl)




Gas Asli (Indeks 2010=100)




Jagung (US\$/mt)




Minyak Sawit Mentah (US\$/mt)




Daging (US\$/kg)




Daging Ayam (US\$/kg)




Kacang Soya (US\$/mt)




Gandum (US\$/mt)



Gula (US\$/kg)



Minyak Kelapa (US\$/mt)



Harga komoditi dunia (AS\$) Peratus perubahan tahun ke tahun

Sumber: Commodity Monthly Prices, World Bank

Nota:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit